

KERTAS 2

BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

SOALAN 1 : MORFOLOGI

Baca petikan dengan teliti dan senaraikan **dua kata terbitan dan dua kata tugas**.

Beberapa tahun yang lalu, robot mudah alih merupakan barang permainan atau peralatan yang begitu mahal. Namun begitu, banyak pakar percaya bahawa bidang robot merupakan permulaan revolusi pembangunan robot seperti permulaan penciptaan komputer peribadi pada dekad yang lalu. Revolusi teknologi baharu robot mudah alih melibatkan bidang kejuruteraan mekanikal, kejuruteraan elektronik, kejuruteraan maklumat, kejuruteraan automasi, kecerdasan buatan dan sebagainya.

Dipetik dan diubah suai daripada
Kawalan Robot Melalui Telefon Pintar
Oleh Riza Sulaiman
Dewan Kosmik, Bil 9/2019

Kata terbitan	Kata Tugas
1)	3)
2)	4)

Berdasarkan petikan di bawah, kenal pasti **subjek dan predikat** bagi ayat yang bergaris.

Subjek: _____

Predikat: _____

[6 markah]

Malaysia sangat dikenali sebagai sebuah destinasi pelancongan yang mempunyai keunikannya yang tersendiri. Industri kraf tangan merupakan satu faktor penarik terhadap situasi ini. Kraf tangan buatan Malaysia yang eksotik dan menarik menyebabkan banyak pelancong asing tertarik. Menyedari hal ini, banyak pihak telah menjalankan pelbagai usaha

bagi memastikan industri ini terus berkembang.

Dipetik dan diubah suai daripada
"Industri Kraf Tangan di Malaysia",
Dewan Siswa, Oktober 2017

Ayat 1

Subjek: _____

Predikat: _____

Ayat 2

Subjek: _____

Predikat: _____

Ayat 3

Subjek: _____

Predikat: _____

SOALAN 3: PENYUNTINGAN

Petikan di bawah mengandungi 11 kesalahan bahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada 11 kesalahan yang terdapat dalam petikan. Anda tidak perlu menyalin petikan tersebut.

Remaja bersahsiah tinggi perlu mengamalkan ethika dan berpersonaliti yang luhur. Mereka bukan sahaja perlu mempraktikan ajaran agama tetapi tidak kekok melakukan kerja-kerja amal. Namun, setengah remaja keliru dan mengalami kekacauan emosi sehingga melakukan perkara diluar jangkaan seperti memberontak, mengengkari arahan ibubapa dan tidak mengamalkan ajaran agama. Mereka juga tidak suka melakukan kerja-kerja kebajikan seperti gotong royong. Selain itu, remaja beraklak terpuji perlu sentiasa mengamalkan sikap toleransi dan bertolak ansur. Malahan, jati diri yang mapan merupakan kriteria yang tidak boleh dipinggirkan dalam membentuk sahsiah tinggi seseorang remaja untuk keharmonian dan perpaduan dalam kalangan rakyat dapat dikekalkan.

[11 markah]

1)

2)

3)

4)

5)

6)

7)

8)

9)

10)

11)